

Telephone: Students Unit  
(020 7402 0045)  
Students Hostel  
(020 7402 0953)  
Fax: 020 7262 8406  
Website: www.upp.org.uk  
Email: admin@upp.org.uk



سورھنجاي تيڠكي نكارا بروني دارالسلام

SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM

(STUDENTS UNIT)  
35 – 43 Norfolk Square  
London W2 1RX

## **SURAT PEMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BILANGAN 01/2019**

**Kepada: Semua Penuntut Basiswa Kerajaan yang dijangka menamatkan pengajian pada sesi 2018/2019 (bukan diikatjanji sebagai Pendidik)**

Dengan ini sukacita dimaklumkan kepada Penuntut-Penuntut Basiswa Kerajaan Tahun Akhir pengajian kursus Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan (Postgraduate) yang **bukan diikatjanji sebagai Pendidik** dan berhajat untuk **Meninggi Tahap Pengajian** bagi **sesi pengajian September 2019/2020** adalah dipelawa untuk menghadapkan permohonan secara bertulis dan melengkapkan Borang Meninggi Tahap mengikut syarat-syarat yang dikuatkuasakan pada masa ini.

2. Sehubungan itu, penuntut-penuntut adalah disarankan untuk membaca dan meneliti terlebih dahulu isi kandungan **Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan Bilangan 13/2018** melalui link berikut sebelum membuat permohonan Meninggi Tahap.

i. Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan, Bilangan: 13/2018 [Basiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke luar negeri bagi sidang akademik 2019/2020] (link Surat Pemberitahuan)

3. Borang Permohonan Meninggi Tahap Pengajian (**2 pilihan sahaja mengikut keutamaan**) yang telah lengkap diisikan hendaklah dihadapkan ke Unit Penuntut-Penuntut bermula **1 Februari 2019** dan tidak lewat dari **30 April 2019 (tarikh tutup penghantaran ke Bahagian Basiswa, Kementerian Pendidikan melalui UPP ialah pada 31 Mei 2019)** dengan menyertakan maklumat dan dokumen berikut:

- Dua (2) pilihan kursus mengikut keutamaan dan hendaklah daripada tajuk kursus yang disenaraikan di dalam Surat-Surat Pemberitahuan;
- Kertas Kerja Cadangan (Proposal Dissertation) bagi permohonan *Master by Research* (**sila rujuk Borang Meninggi Tahap bagi garispandu membuat Kertas Kerja Cadangan**);
- Surat sokongan daripada pihak universiti/ kolej;
- Surat tawaran jika telah diperolehi (bagi yang belum menerima sebarang tawaran, hendaklah dihadapkan ke UPP sebaik sahaja diperolehi dengan segera);
- Isi kandungan (course content/ summary/ outline) kursus yang dipohonkan;

2/...

- Keputusan tahun akhir keseluruhan jika telah diperolehi dan di sahkan oleh universiti untuk dihadapkan ke UPP dengan seberapa segeranya;
- Keputusan peperiksaan GCE 'O' Level/ A-Level/ IB/ IELTS dan salinan sijil-sijil atau anugerah yang pernah diterima (jika ada).
- Maklumat Sistem Penggredan Universiti (Grading System)

4. Penerima-penerima **Skim Basiswa Pinjaman Pendidikan dan penuntut-penuntut persendirian** yang sedang mengikuti pengajian di United Kingdom dan berhasrat untuk memohon Basiswa Kerajaan hendaklah **memohon terus** ke Bahagian Basiswa, Kementerian Pendidikan sebagai permohonan baru.

5. Penuntut-penuntut yang berhasrat untuk mengikuti kursus lanjutan (Postgraduate) dalam bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi adalah dikehendaki untuk mendapatkan sijil ATAS (Academic Technology Approval Scheme) sebelum memohon untuk mendapatkan visa.

6. Sayugia juga diingatkan supaya pelajar-pelajar terlebih dahulu **memahami dan meneliti syarat-syarat utama dan tambahan bagi memohon kursus Ijazah Lanjutan, Ikhtisas dan Ijazah Falsafah Kedoktoran sepertimana yang ditetapkan di dalam Surat-Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan dan membuat perancangan serta pemilihan kursus secara teratur** sebelum menghadapkan permohonan Meninggi Tahap Pengajian bagi sesi 2019/ 2020.

7. Memandangkan pemakluman ini disiarkan lebih awal sebelum tarikh tutup, adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk **merancang dan menyediakan kertas cadangan lebih awal dan teratur** terutama sekali sebelum peperiksaan akhir tahun.

8. Sebagaimana lazimnya dan sedia maklum, proses penilaian adalah berpandukan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan termasuklah prestasi akademik, pemilihan kursus dan universiti serta sesi Multiple Mini Interview (MMI).

Borang Meninggi Tahap Pengajian Sesi 2019/20 boleh didapati daripada laman web [www.upp.org.uk](http://www.upp.org.uk) (link borang)

Sekian disampaikan untuk makluman dan apa jua tindakan mengenainya.

*"Keluarga Bahagia, Masyarakat Sejahtera"*

Wassalam



**Pg Ali Shafie bin Pg Hj Abas**  
Pengarah Pengajian  
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XV

Tarikh: 02 Jamadilawal 1440H / 08 Januari 2019